



Ismail Sabri membaca akhbar BH keluaran khas sempena sambutan ke-65, semalam. (Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)



Ahmad Zaini (tiga dari kiri) bersama wakil Bank Rakyat, FGV Holdings dan kakitangan editorial meraikan ulang tahun Berita Harian ke-65 di Balai Berita, Bangsar, semalam. (Foto Saifulizan Tamadi/BH)

Perdana Menteri doakan BH terus berkembang

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan tahniah kepada *Berita Harian* (BH) sempena ulang tahun ke-65 yang disambut semalam.

Beliau berharap BH akan terus berkembang dan menyiarkan berita dan laporan yang tepat dan adil serta membantu kerajaan membangun dan memajukan negara demi Keluarga Malaysia.

Media juga perlu mendidik masyarakat dengan berkongsi ilmu dan maklumat tepat kepada masyarakat supaya mereka mema-

hami usaha kerajaan menangani pelbagai isu ekonomi global yang turut memberi impak kepada negara.

Beliau juga menegaskan kerajaan tidak pernah menghalang media daripada menyiarkan sebarang laporan berita, yang ada kalanya dijadikan panduan oleh pihak berwajib untuk mengambil tindakan susulan seperti menyalurkan bantuan, demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

“Kerajaan sentiasa mendengar dan prihatin terhadap laporan

yang dibangkitkan media. Semua kementerian dan agensi kerajaan sentiasa memberi kerjasama kepada media dalam membantu memudahkan penyaluran maklumat yang seimbang, sah dan memuaskan hati,” katanya.

Selain Ismail Sabri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi serta pelbagai syarikat korporat turut merakamkan ucapan tahniah.

“Terima kasih atas segala-galanya dan kerjasama yang diberi-

kan BH selama ini. Syabas BH! “Teruskan membuat berita hari-hari,” katanya dalam satu rakaman video pendek kepada BH, semalam.

Terdahulu, sambutan ulang tahun ke-65 BH di Balai Berita Bangsar, semalam turut diraikan dengan kehadiran wakil beberapa syarikat antaranya Bank Rakyat, FGV Holdings Berhad dan Domino's serta Pergerakan Pemuda UMNO yang meraikan warga BH dengan pelbagai juadah.

Sejak diterbitkan pada 1957, BH menjadi antara pilihan utama masyarakat pelbagai peringkat bagi dapatkan kandungan berita, maklumat dan ilmu.

Sejak edisi pertama yang dilancarkan pada 1 Julai 1957, iaitu dua bulan sebelum Persekutuan Tanah Melayu menyambut kemerdekaan, BH membantu memenuhi keperluan ketika era nasionalisme dan pengisian kemerdekaan, seterusnya berperanan dalam pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

BH- 2/7/2022 m/s: 3